

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 MAY 2016

## Henti polis pengiring Mahathir tindakan tepat - Nazri

UM - 4/5/2016

**KUCHING 3 Mei** - Tindakan menghentikan pengiring bermotosikal polis ke atas bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan tindakan tepat dan sepatutnya telah lama dilakukan.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, selama ini Dr Mahathir sendiri yang memilih untuk membahayakan dirinya dengan pergi ke pelbagai tempat bercakap dan berucap perkara yang menggores hati pihak tertentu.

"Saya rasa tidak kena untuk kita berikan dia *escort* untuk dia ke tempat-tempat untuk menentang kerajaan yang memberikan dia kemudahan ini," katanya ketika ditemui pada Program Merakyatkan Seni Budaya: Nilai Murni Gotong-Royong di Sekolah Kebangsaan Buntal, Pantai Damai, di sini.

Menurutnya, dari segi logik

kenapa perlu hendak beri keistimewaan kepada orang yang sebenarnya menentang kerajaan.

"Kalau beliau pilih untuk hendak bertumbuk kita boleh bertumbuk, saya bersedia untuk bertumbuk dengan beliau bila-bila masa," katanya.

Sebuah portal berita tempatan melaporkan baru-baru ini bahawa polis tidak lagi menyediakan perkhidmatan dua pengiring ke atas Dr Mahathir berkuatkuasa 28 April lalu.

Menyentuh isu lain, Nazri menafikan dakwaan pihak pembangkang kononnya menteri Persekutuan datang ke Sarawak menjanjikan pelbagai peruntukan hanya sebagai sogokan kepada rakyat untuk meraih undi bagi BN.

"Tidak ada peraturan dalam Akta SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) kita yang menghalang kerajaan untuk terus melakukan apa-

apa tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh kerajaan," katanya.

Lagipun, katanya beliau bersama beberapa anggota jemaah menteri Persekutuan yang lain tidak mempunyai kaitan atau bertanding dalam PRN-11 ini dan mereka hanya menjalankan tugas sebagai menteri Persekutuan.

Nazri turut membidas kenyataan Naib Ketua UMNO Kota Raja, Hamidi Abu Bakar yang mendakwa tindakan beliau (Nazri) yang akan mengemukakan usul pemecatan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Tun Dr Mahathir daripada UMNO sebagai membawa kepada 'malapetaka' terhadap parti.

"Dr Mahathir pernah nasihatkan kita, sebagai seorang doktor perubatan beliau berkata jika mana-mana bahagian badan ada kanser, anda perlu memotongnya," ujarnya. - BERNAMA